

KUTKM DAN DTEX JALIN KERJASAMA MAJUKAN PERISIAN KOMPUTER

BERNAMA News | Berita Ekonomi | 05/08/2004 | Author: / BD ZK

MELAKA, 5 Ogos (Bernama) -- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Syarikat Dtex International Sdn Bhd (Dtex) bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan di bidang perisian komputer dan teknologi maklumat.

Rektor KUTKM, Datuk Profesor Ismail Hassan berkata kedua-dua pihak akan bekerjasama membangunkan produk perisian bagi sistem keselamatan maklumat dalaman.

"Kerjasama ini akan mendedahkan staf dan pelajar KUTKM kepada sistem keselamatan maklumat dalaman dan mereka boleh mendapat latihan di Dtex," katanya pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani MoU antara KUTKM dan Dtex di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini.

Ismail dan Dekan Fakulti Teknologi, Komunikasi dan Maklumat Profesor Dr Mohd Ishak Desa mewakili KUTKM manakala Dtex diwakili Ketua Pengawai Eksekutif, Mohan Koo dan Ketua Pegawai Teknologi, Peter Raymond Freak.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamad Ali Rustam menyaksikan majlis berkenaan.

Dtex merupakan sebuah syarikat yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam pembangunan produk perisian bagi sistem keselamatan maklumat dalaman.

Ia telah membangunkan SystemSkan, produk perisian yang dikenalpasti berkebolehan dalam mengawal keselamatan aktiviti penggunaan rangkaian komputer oleh individu atau berkumpulan seterusnya menguatkuasakan polisi dalam terhadap persekitaran teknologi maklumat tersebut.

Ismail berkata MoU itu juga bertujuan meningkatkan daya saing, kreativiti dan inovasi kakitangan akademik dan pelajar dengan melibatkan diri dalam latihan, pembangunan dan penyelidikan di sektor industri.

"Ia juga bagi membolehkan pertukaran kakitangan akademik dan pelajar dari kedua-dua pihak di samping bertukar kepakaran dalam kerja-kerja perundingan, menyediakan platform kerjasama penyelidikan dan pembangunan khususnya di bidang ICT," katanya.

Beliau berkata produk yang dihasilkan kelak boleh dipasarkan ke organisasi lain yang memerlukannya selaras dengan perkembangan pesat ICT.

"Produk ini akan membantu supaya data-data yang kita ada selamat daripada penceroboh," katanya. -- BERNAMA

BD ZK